



KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008
Faks : 03-4047 6108
Laman Web : www.ptpk.gov.my

Rujukan : PTPK.600-100-1/11(75)
Kami
Tarikh : 6 Julai 2018
22 Syawal 1439H

Ketua Eksekutif/ Pengarah/ Pengurus Pusat Bertauliah

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERBEZAAN MAKLUMAT PEGAWAI PENILAI DALAM PENDAFARAN PTPK DENGAN SISTEM e-SPKM JPK

Saya merujuk perkara di atas.

2. Berdasarkan pemerhatian dan semakan, PTPK mendapati terdapat Pegawai Penilai (PP) yang didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Pinjaman PTPK semasa permohonan pendaftaran Pinjaman Latihan Kemahiran (PLK) pelatih, yang dibuat secara atas talian (*online*) berbeza dengan maklumat PP yang terdapat pada salinan borang pendaftaran Sijil Kemahiran Malaysia dalam sistem e-SPKM, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan adalah diingatkan supaya mendaftarkan maklumat PP yang sama dalam sistem e-SPKM, JPK dengan sistem permohonan pendaftaran PLK pelatih yang dibuat secara atas talian (*online*) di PTPK. Sila ambil perhatian, pihak tuan juga hendaklah memastikan segala maklumat dan dokumen PLK yang dikemukakan adalah **benar**.


4. Kegagalan pihak tuan mematuhi kehendak ini, pihak PTPK berhak membatalkan permohonan pinjaman tersebut mengikut peruntukan seksyen 53 (1) (c) Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640). Tuan juga boleh dikenakan tindakan di bawah **Seksyen 74 Akta yang sama jika didapati membuat pernyataan yang tidak benar yang jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya**.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara"


(AZRUL IZHABIN HAMZAH)
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia